

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini direkabentuk untuk memberikan anda beberapa maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.



Pelanggan lain yang telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga digalakkan membacanya.

Tarikh:

1 Apakah Hilang Upaya Menyeluruh Sementara?

Hilang Upaya Menyeluruh Sementara merupakan manfaat tambahan pilihan di bawah pelan SmartCare VIP. Ia akan dibayar sekiranya pengamal perubatan mengesahkan bahawa anda mengalami hilang upaya sepenuhnya dan berterusan, yang menghalang anda daripada menjalankan aktiviti harian atau pekerjaan akibat kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan sebanyak **RM100**, seorang lelaki berumur 30 tahun dalam Kelas Pekerjaan 1 yang memilih Pelan 1 akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini meliputi :	Polisi ini tidak termasuk :
RM500 seminggu, sehingga maksimum 104 minggu jika yang diinsuranskan mengalami hilang upaya menyeluruh sementara.	- Sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, pendedahan secara sengaja kepada bahaya, membunuh diri, kecederaan diri yang disengajakan; - Sebarang kecacatan fizikal, mental atau kelemahan yang sedia ada - HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit), dan/atau sebarang mutasi atau derivatif daripadanya - Intoksikasi ubat-ubatan - Kehamilan dan kelahiran anak - Sukan berbahaya cth. teroka gua (<i>pot-holing</i>), penyelaman tanpa peralatan pernafasan (<i>skin-diving</i>), polo hoki, pemburuan persendirian, perlumbaan selain daripada penggunaan kaki. - Penerbangan selain daripada sebagai penumpang di dalam kapal terbang berlesen yang membawa penumpang. - Peperangan, pencerobohan dan pemberontakan. - Bertugas sebagai pertahanan awam, tentera udara, tentera laut atau polis secara tetap atau sementara. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di dalam polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi insurans kemalangan diri anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1300 13 2121 atau
+603 3007 2121



Layari laman web
kami di:
[SmartCare VIP | Generali
Malaysia](http://SmartCareVIP.GeneraliMalaysia.com)



E-mel kami di:
[customer.service.gi
@generali.com.my](mailto:customer.service.gi@generali.com.my)



Imbas kod
QR
di atas

Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:

Tingkat 4, Podium Bangunan
AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Laman Web BNMLINK:
bnm.gov.my/BNMLINK

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan standard	RM100 (tahunan)
Perlindungan Tambahan	T/B
Jumlah premium yang perlu anda bayar ialah RM100	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	T/B
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	25% daripada premium atau RM25.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM8.00

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang cadangan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda tahu atau patut tahu, termasuk aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko.
- Anda mesti memberitahu kami dengan segera dalam kes tuntutan kematian dan kecederaan badan dalam tempoh 21 hari dari kemalangan.
- **Individu yang Layak:**
 - Orang yang diinsuranskan yang berumur antara 18 hingga 65 tahun, dengan polisi boleh diperbaharui sehingga umur 75 tahun.
- **Tunai Sebelum Perlindungan:** Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau pengantara kami yang sah sebelum tarikh kuat kuasa polisi.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Jika tiada tuntutan dibuat, sebarang bayaran balik selepas pembatalan adalah tertakluk kepada terma & syarat dalam polisi.